



**PENGAJIAN TAMADUN ISLAM**  
**SEJARAH, PENCAPAIAN DAN MASA DEPAN**

**TAKRIF DAN PRINSIP-PRINSIP ASAS TAMADUN**

- Tiap-tiap tamadun utama dunia meninggalkan cebisan-cebisan sumbangan keatas tamadun-tamadun lain yang sezaman dengannya. Apabila sumbangan sesuatu tamadun utama itu berjaya melepasi sempadan zamannya, serta dapat pula diterima sebagai sumbangan yang bersifat sejagat oleh tamadun-tamadun lain, maka apresiasi terhadap sumbangan tersebut menjadi lebih ironis dan bermakna.



- tokoh-tokoh ini menjadi mercu kehebatan pemikiran dan falsafah tamadun Yunani



- tokoh-tokoh ini menjadi kebanggaan tamadun islam apabila berjaya meninggalkan sumbangan dalam bidang sains dan perubatan.

#### **ASAL-USUL PERKATAAN “TAMADUN”**

- Istilah tamadun yang digunakan oleh bahasa melayu ialah perkataan yang berasal daripada bahasa arab. Dalam teori antara bahasa, penggunaan istilah “tamadun” oleh bahasa melayu dikenali sebagai fenomena peminjaman. Peminjaman istilah seumpama ini adalah perkara yang tidak dapat dielakkan lagi, iaitu yang merujuk kepada faktor kewujudannya di satu pihak dan faktor ketidakwujudannya di satu pihak yang lain.
- Daripada sudut makna atau semantik, “tamadun” adalah kata terbitan yang berakar umbi daripada kata kerja “maddana” yang bererti pemilihan sesuatu lokasi sebagai tempat tinggal dan membangunkan sesuatu kawasan hingga menjadi suatu perbandaran.
- Perkataan tamadun melahirkan beberapa perkataan lain yang menjelaskan lagi kandungan maksud yang diungkapkannya.

- Ini bermakna dalam kronologi sejarah, tamadun bukanlah perkataan tunggal dan perkataan pertama yang diperkenalkan untuk membincangkan tentang konsep pembangunan, kemajuan pencapaian manusia.

### **ISTILAH TAMADUN**

- Yang pertama dan terpenting ialah bahasa Arab atas sifatnya sebagai bahasa pelopor yang merintis jalan memperkenalkan konsep tamadun kepada dunia bermula daripada abad ke14 sehingga abad ke20.
- Bahasa kedua ialah bahasa inggeris yang mewakili sebuah tamadun yang membawa perubahan dan revolusi kepada eropah.

### **BAHASA ARAB**

- Terdapat empat istilah yang pernah digunakan untuk membincangkan tentang konsep pembangunan, kemajuan dan pencapaian manusia.

# hadarah  
#Madaniyyah  
#umran  
#tamaddun

- Hadarah mengandungi dua pengertian:
  - a) pengertian objektif: suatu himpunan fenomena kemajuan dalam bidang kesusasteraan, teknik, keilmuan dan undang-undang yang dipindahkan daripada satu generasi ke satu generasi dalam sesebuah masyarakat.
  - b) Pengertian subjektif: suatu peringkat perkembangan kehidupan yang tinggi, yang berlawanan dengan kehidupan yang liar atau ganas, atau digambarkan sebagai kehidupan yang dapat atau hampir dapat mencapai ideal atau bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai.

### **BAHASA INGGERIS**

- Dalam bahasa inggeris, civilization ialah terjemahan yang paling meluas penggunaannya bagi merujuk maksud tamadun.
- Semasa perkataan umran dibahaskan oleh ibn khaldun pada abad ke14, perkataan civilization masih belum wujud lagi di dalam bahasa inggeris.

- Selain civilization, beberapa perkataan lain yang pernah digunakan tetapi tidak begitu meluas ialah seperti culture, urbanization dan renaissance.

### **BAHASA MELAYU**

- Selain perkataan tamadun, ada dua perkataan lain yang digunakan bagi merujuk maksud tamadun iaitu peradaban dan kebudayaan. Pada penghujung abad ke-20, perkataan tamadun menjadi semakin popular dengan kemunculan perkataan madani iaitu kata sifat bagi tamadun dalam wacana tamadun peringkat Alam Melayu.

### **TAKRIF DAN KONSEP TAMADUN**

- Daripada perspektif Islam, takrif yang dikemukakan melalui madaniyyah, umran hadarah dan tamaddun meskipun masing-masing agak berbeza, tetapi sebenarnya menemui titik persamaan daripada segi konsep tamadun, iaitu meletakkan unsur agama yang berpaksi kepada akidah, syariah dan akhlak sebagai asa dan dasar dalam pembinaan dan perkembangan tamadun.
- Perspektif tamadun barat:
  - a) Arnold Toynbee: tamadun ialah suatu sistem masyarakat yang dapat membantu manusia menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan ia mempunyai empat elemen iaitu bahan-bahan ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni.
  - b) J.K Fieblemen: tamadun ialah kepandaian dan mengeksploitasi material oleh masyarakat. Dengan perkataan lain, proses masyarakat terhadap material dengan sendiri menjadikannya barang baru bagi keperluan tertentu
  - c) E.B Taylor: tamadun ialah suatu rangkaian rumit yang merangkumi aspek-aspek keilmuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, perundangan, tradisi, bakat dan kebolehan yang dihasilkan oleh masyarakat.
  - d) Oswald Spengeler: tamadun barat lebih mementingkan kebendaan kerana kebendaan itu yang membawa kepada kemajuan.
  - e) Will Durant: tamadun ialah peraturan masyarakat yang dapat membantu meningkatkan pengeluaran kebudayaan dan ia merangkumi empat elemen iaitu sumber ekonomi, sistem politik, tradisi moral dan kesenian.

⇒ Perspektif tamadun Islam:

- a) Ibn Khaldun: tamadun ialah kemuncak pembangunan yang berkait dengan peningkatan kemewahan, keindahan suasana dan minat kepada pelbagai aspek industri yang boleh mempertingkatkan kualitinya. Ini termasuk keperluan kepada bahan-bahan makanan, peralatan rumahtangga dan sebagainya.
- b) Muhammad Rasyid Redha: agama adalah asa tamadun. Ini kerana peningkatan unsur maknawi (spiritual) akan mendorong kebangkitan fizikal. Rasionalnya semua tamadun di dunia ini ditegakkan berasaskan kepercayaan agama. Peningkatan atau kemusnahan sesuatu tamadun itu bergantung kepada keteguhan pegangan agama atau sebaliknya.

⇒ Perspektif Tamadun Melayu:

- a) Abu Bakar Hamzah: tamadun Islam ialah sesuatu yang lahir dan berkembang bersama-sama dengan kehidupan manusia dan perkembangan-perkembangan yang lahir daripadanya, sama ada sesuatu yang merupakan niskala (abstrak) mahupun yang berupa sekala (material).

### **PRINSIP-PRINSIP ASAS KELAHIRAN TAMADUN MANUSIA**

- **SOSIOEKONOMI:** kehidupan manusia yang menetap seperti yang disentuh di dalam bahagian etimologi tamadun iaitu yang merujuk kepada pengertian hadarah menjadi prinsip paling asas yang membolehkan manusia menjalani kehidupan seharian yang lebih sistematik.
- **INTERAKSI MANUSIA DAN ALAM:** interaksi seorang manusia dengan alam sehingga mencetuskan nilai-nilai spiritual terhadap alam dan pengalaman kepada diri sendiri tidak akan sempurna tanpa penglibatan manusia lain.
- **DAYA KREATIVITI MANUSIA:** prinsip seterusnya yang melahirkan tamadun ialah kreativiti manusia dalam memenuhi tuntutan kehidupan. Pengalaman manusia berinteraksi dengan alam mengajarnya menjadi kreatif.
- **PERSAINGAN MANUSIA:** kehendak manusia tidak pernah terbatas. Peningkatan usia, perubahan psikologi dan perubahan cara hidup adalah antara faktor yang mempengaruhi kehendak manusia yang tidak terbatas itu.
- **PEMINJAMAN KEPAKARAN:** oleh kerana manusia memiliki batasan keupayaan diri, maka manusia sentiasa memerlukan pertukaran bantuan dan kerjasama. Bantuan

kadangkala berbentuk peminjaman kepakaran tertentu yang tidak dimiliki oleh sesuatu kumpulan masyarakat, tetapi dimiliki oleh kumpulan masyarakat yang lain.

### **PEMBINAAN, PERKEMBANGAN DAN KEMEROSOTAN TAMADUN**

#### **MODEL-MODEL TAMADUN**

- Model pertama ialah model tiga tahap perkembangan kerajaan atau organisasi sosial yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun:
  - a) tahap awal atau kelahiran yang dicirikan oleh perasaan kekitaan atau abasyah bagi memenuhi keperluan asas, dan kemudiannya diperkukuhkan oleh peranan agama.
  - b) Tahap kehidupan menetap atau bertamadun yang dicirikan oleh kelahiran sistem pemerintahan yang membawa kepada pertumbuhan bandar dan memberi kesan kepada stratifikasi sosial.
  - c) Tahap lemah atau kejatuhan yang dicirikan oleh konflik politik dan krisis ekonomi sehingga membawa kesan kepada stratifikasi sosial dengan peningkatan kemewahan dan kelunturan semangat kekitaan
  
- Toynbee juga membuat penambahan apabila secara khusus memperincikan lagi tahap kedua model ini dengan membahagikan kepada 3 sub-fasa iaitu:
  - a) keretakan
  - b) perpecahan
  - c) kejatuhan
  
- ◆ Model ketiga ialah model yang diketengahkan oleh Malik Bennabi (1965-1973). Menurut Wan Hashim, Malik juga dapat dianggap terpengaruh dengan teori kitaran Ibn Khaldun
- ◆ Model keempat ialah model Ali Shariati (1933-1977). Menurut Ali Shariati ada 2 perkara penting dalam perkembangan tamadun dan kedua-dua perkara tersebut berada dalam diri manusia.

### **KANDUNGAN TAMADUN**

- ◆ Pada tahap paling minimum, kandungan tamadun sekurang-kurangnya terdiri daripada 6 ciri asas iaitu:
  - a) mempunyai kehidupan dibandar
  - b) mempunyai pemerintahan dan kerajaan
  - c) mempunyai bahasa dan tulisan
  - d) mempunyai sistem perundangan
  - e) mempunyai agama dan sistem kepercayaan
  - f) mempunyai pengkhususan dalam pekerjaan

### **AGAMA DAN TAMADUN**

- ◆ Dalam pengertian yang lazim difahami, agama ialah kepercayaan kepada tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan PerintahNya.
- ◆ Dalam hubungan agama dan tamadun, jatuh bangunnya sesebuah tamadun atau kerajaan adalah selari dengan jatuh bangunnya agama.
- ◆ Agama juga mempunyai hubungan fungsi dengan unsur-unsur tamadun yang lain seperti moral, etika, ekonomi, undang-undnag estetika dan sains.

### **KETENTERAAN DAN TAMADUN**

- ◆ Penggunaan ketenteraan atau milita pada peringkat yang lebih besar semakin ketara apabila berlakunya persaingan dan perebutan kuasa pada peringkat intra-tamadun dan antara tamadun.
- ◆ Daripada suudt kesan hubungan kuasa ketenteraan dan perkembangan tamadun, ketenteraan lebih banyak meninggalkan kesan negatif daripada kesan positif.
- ◆ Jesteru, pada prinsipnya, sebagai tamadun yang mengutamakan nilai-nilai kesejahteraan, tamadun Islam tidak menggunakan ketenteraan sebagai kuasa utama dalam memperluaskan wilayahnya.

### **FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN, PEMBINAAN DAN KEMEROSOTAN TAMADUN MANUSIA**

- ◆ Pegangan kepada agama
- ◆ Semangat kerjasama yang tinggi dan rasa kekitaan

- ◆ Keselesaan hidup dan kemewahan
- ◆ Kepimpinan dan politik
- ◆ Ekonomi
- ◆ Hijrah

**INTERAKSI ANTARA TAMADUN**  
**BERSIFAT TERBUKA**

- ◆ Sifat ini perlu bagi memastikan tamadun itu tidak akan bergerak secara bersendirian tetapi mempunyai maklumay dan idea daripada tamadun lain bagi membolehkan idea itu digarap bagi kepentingan tamadunnya dan dalam masa yang sama dapat dipersembahkan kepada tamadun lain.
- ◆ Faktor ini juga merupakan prasyarat kepada tersebarnya tamadun pada peringkat pertama
- ◆ Prinsip ini juga penting bagi menjauhkan sesuatu tamadun itu daripada kejutan ketika mendapati pada masa yang sama tamadun lain lebih menonjol daripadanya.

**MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN SEJAGAT DAN SELARAS DENGAN SIFAT**  
**SEMULAJADI MANUSIA**

- ◆ Kesajagatan atau universaliti adalah ciri yang tidak kurang pentingnya dalam proses interaksi antara tamadun
- ◆ Sebagai contoh, perkembangan pesat tamadun Yunani dalam bidang falsafah dan keilmuan bertaut dengan tamadun Islam dan melebarkan perbincangan yang bersandarkan falsafah pemikiran.
- ◆ Keinginan manusia yang universal untuk hidup dalam suasana penuh aman dan harmoni, menyebabkan secara tidak langsung lahir lain tamadun yang mendukung cita-cita yang sama merasa terpanggil untuk tampil memberi bantuan dan sokongan kepada sesama mereka.

**FAKTOR-FAKTOR PENDORONG INTERAKSI ANTARA TAMADUN**

- ◆ KEPIMPINAN- Contoh kepimpinan yang tersohor sepanjang zaman ialah kepimpinan nabi Muhammad SAW keatas umat Islam seluruh dunia.
- ◆ KEAGAMAAN- menyumbang kepada berlakunya interaksi antara tamadun
- ◆ ILMU- proses ini memberi kesan kepada pembangunan dan perkembangan suatu tamadun

- ◆ PERDAGANGAN- antara faktor terawal yang mendorong berlakunya interaksi antara tamadun.

### **CIRI-CIRI TAMADUN**

#### **DEFINISI TAMADUN ISLAM**

- ◆ SYED NAQUIB AL-ATTAS- keadaan kehidupan insan yang mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya
- ◆ AL-SYIRAZI- perbincangan tentang sesuatu kekuasaan, kekebatan, kemakmuran dan kemajuan sesuatu bangsa dan pemerintahan yang menjerus kepada perbincangan mengenai sejarah keilmuan, peradaban, kemajuan industri dan pembangunan ekonomi.
- ◆ ABU BAKAR HAMZAH- sesuatu yang lahir dan berkembang bersama-sama dengan kehidupan manusia dan perkembangan-perkembangan yang lahir daripadanya sama ada sesuatu yang berupa niskala atau abstrak, mahupun yang berupa sekala material.
- ◆ TEUKU ISKANDAR- keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran yakni sosial, budaya, politik dan lain-lain yang tinggi.

#### **SUMBER-SUMBER TAMADUN ISLAM**

- ◆ SUMBER KHUSUS
  - a) al-Quran
  - b) al-Hadis
- SUMBER AM
  - a) ijmak
  - b) qiyas
  - c) istislah
  - d) istihsan
- ◆ AKIDAH- menurut Syed Qutb, Islam adalah tamadun. Ia dimanifestasikan daripada unsur-unsur ketauhidan kepada ALLAH SWT kerana nilai tauhid tersebut merupakan asas utama dalam pembinaan tamadun dan ia memberi impak yang menyeluruh kepada kehidupan insaniah
- ◆ PENGHAYATAN ILMU- didalam Islam, ilmu itu diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu:

- a) ilmu naqli- keagamaan
- b) ilmu aqli- keduniaan

### **CIRI-CIRI TAMADUN ISLAM**

- ◆ konsisten
- ◆ terbuka dan rasional
- ◆ bersifat semasa
- ◆ sesuai dengan fitrah manusia
- ◆ sempurna atau syumul

### **AL-QURAN SUMBER UTAMA TAMADUN ISLAM**

#### **DEFINISI AL-QURAN**

- ◆ Al-Quran daripada sudut bahasa bermaksud 'bacaan' dan perkataan al-Quran berasal daripada perkataan arab 'al-qira'ah'.
- ◆ Manakala daripada sudut istilah al-Quran ditakrifkan sebagai kalam Allah SWT yang bermukjizat yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW dengan perantaraan malaikat jibrail, ditulis dalam mashaf, diriwayatkan secara mutawatir dan menjadi ibadat bagi sesiapa yang membacanya.
- ◆ Secara umumnya ayat-ayat al-Quran boleh dipecahkan kepada pembahagian berikut:
  - a) 1000 ayat berkaitan perintah
  - b) 1000 ayat berkaitan balasan baik
  - c) 1000 ayat berkaitan balasan buruk
  - d) 1000 ayat berkaitan cerita dan kisah umat-umat terdahulu
  - e) 1000 ayat berkaitan pengajaran dan perumpamaan
  - f) 500 ayat berkaitan hukum halal dan haram
  - g) 100 ayat berkaitan doa
  - h) 66 ayat berkaitan ayat-ayat yang menaskhkan dan yang dimansuhkan

#### **NAMA DAN SIFAT AL-QURAN**

- ◆ ALKITAB- bermaksud sesuatu yang termaktub dan tertulis. Jesturu itu ia menggunakan al-kitab (Al-Quran) adalah wahyu Allah SWT yang tertulis dan terkumpul.

- ◆ AL-FURQAN- bermaksud pembeza iaitu akndungan Al-Quran menjelaskan kepada manusia antara kebenaran dan kebatilan,
- ◆ AL-ZIKR- perkataan al-zikr bermaksud peringatan kerana al-Quran yang diturunkan kepada manusia merupakan peringatan serta panduan hidup mereka didunia dan akhirat
- ◆ AL-TANZIL- perkataan al-tanzil bermaksud penurunan iaitu al-Quran adalah kitab yang diturunkan oleh Allah SWT.
- ◆ AL-MUSHAF- perkataan al-mushaf membaea maksud helaian kerana al-Quran dihimpun dan ditulis dalam bentuk helaian

### **SIFAT-SIFAT AL-QURAN**

- ◆ Al-nur atau cahaya
- ◆ Al-huda
- ◆ Al-busyra
- ◆ Mau'izah
- ◆ Syifa

### **AL-QURAN SEBAGAI MUKJIZAT**

- ◆ Mukjizat merupakan perkataan arab yang berasal daripada 'ajaza yang bermaksud lemah
- ◆ Secara literal mukjizat membawa maksud 'yang melemahkan'
- ◆ Al-Quran adalah kalam ALLAH SWT yang melemahkan musuh yang menentanginya. Ini kerana Al-Quran mengandungi pelbagai kehebatan yang boleh dilihat sama ada daripada segi bahasa, isi kandungan, ilmu dan sebagainya.
- ◆ Al-Quran diturunkan oleh ALLAH SWT keapa nabi Muhammad SAW dalam bentuk wahyu melalui perantaraan malaikat Jibrail
- ◆ Ketika menerima wahyu nabi Muhammad SAW mengalami pelbagai pengalaman antaranya:
  - a) malaikat memasukkan wahyu itu kedalam hati Rasulullah SAW.
  - b) Malaikat menampakkan dirinya sebagai seorang lelaki yang mengucapkan kata-kata kepadanya sehinggalah baginda mengetahui dan menghafalnya.
  - c) Wahyu datang kepada baginda seperti bunyi gemerincing loceng
  - d) Malaikat menjelmakan dirinya dengan rupanya yang asal

### **SEJARAH TURUNNYA AL-QURAN**

- Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur dalam masa 22 tahun 2 bulan 23 hari atau 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah.
- Mengikut pendapat ulamak, Al-Quran mula diturunkan pada 17 Ramadhan bersamaan 6 Ogos tahun 610 Masihi di Gua Hira' pada ketika usia Nabi Muhammad 40 tahun
- Para ulamak bersependapat menyatakan wahyu atau ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ialah ayat lima daripada Surah al-'Alaq. Ayat 1-5.

### **HIKMAH AL-QURAN DITURUNKAN SECARA BERANSUR-ANSUR**

- Supaya ia lebih mudah difahami dan dilaksanakan.
- Di antara ayat-ayat Al-Quran yang nasikh dan yang mansukh iaitu sesuai dengan kemaslahatan
- Penurunan sesuatu ayat sesuai dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi
- Memudahkan proses penghafalan
- Sesetengah ayat adalah jawapan

### **AYAT-AYAT MAKIYYAH DAN MADANIYYAH**

- Al-Quran dibahagikan kepada 2 fasa iaitu:
  - a) ayat-ayat yang diturunkan di Mekah yakni sebelum penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah. Ayat ini dikenali sebagai ayat-ayat Makiyyah
  - b) ayat-ayat yang diturunkan di Madinah yakni selepas penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah. Ayat-ayat dalam fasa ini dikenali sebagai ayat-ayat Madaniyyah
- perbezaan diantara ayat-ayat Makiyyah dan Madaniyyah:
  - a) ayat-ayat Makiyyah umumnya pendek-pendek manakala ayat-ayat Madaniyyah panjang-panjang
  - b) didalam Surah-surah Madaniyyah yang terdapat perkataan "ya ayyuhal ladzina aannanu" dan sedikit sekali terdapat perkataan "ya ayyuhannas" manakala didalam Surah-surah Makiyyah adalah sebaliknya
  - c) setiap Surah al-Makiyyah mempunyai ayat sajadah yakni sujud dan terdapat perkataan atau lafaz Kalla
  - d) Surah-surah Makiyyah mengandungi kisah-kisah kenabian dan umat-umat terdahulu, kecuali Surah Al-Baqarah

- e) surah-surah al-makiyyah dimulai dengan huruf hejaiyyah kecuali surah Al-Baqarah dan Al-Imran.

### **PENGUMPULAN, PENULISAN DAN PEMBUKUAN AL-QURAN**

- proses ini dapat dibahagi kepada empat peringkat mengikut zaman dan masa iaitu:
  - a) zaman Rasulullah SAW
  - b) zaman Abu Bakar
  - c) zaman Uthman Ibn Affan
  - d) zaman Umaiyyah dan sekarang

### **KEISTIMEWAAN AL-QURAN**

- segala isi kandungan Al-Quran bersesuaian dengan semua keadaan, tempat dan masa berbanding dengan kitab-kitab sebelumnya yang hanya sesuai untuk umat, tempat dan masa tertentu.
- Ciri-ciri yang terdapat pada Al-Quran unik kerana Al-Quran mempunyai susunan dan gaya bahasa yang menarik, dapat mempengaruhi pembaca dan orang yang mendengarnya, serta tidak merasa jemu walaupun dibaca berulang kali.
- Keistimewaan Al-Quran itu sendiri adalah bagi memelihara keucian dan keluhuran syariat Islam

### **KANDUNGAN AL-QURAN**

- TAUHID
- JANJI DAN ANCAMAN ALLAH SWT
- IBADAH
- JALAN DAN CARA MENCAPAI KEBAHAGIAN
- KISAH DAN SEJARAH UMAT TERDAHULU

### **Institusi politik dalam tamadun islam**

- ◆ Islam adalah agama syumul atau lengkap, dimana ajarannya mencakupi seluruh kehidupan manusia.
- ◆ Islam mempunyai hukum berkaitan semua perkara berkenaan manusia, termasuk soal politik.
- ◆ Politik adalah satu aspek yang penting dalam syariat Islam. Justuru ia mendapat tempat di kalangan sarjana pada masa dahulu mahupun sekarang.

- ◆ Secara literalnya perkataan 'politik' berasal daripada bahasa Yunani *politikos*, dan ada yang berpendapat berasal daripada perkataan Latin *politico* yang bermaksud 'negara kota' ataupun 'kemajuan'.
- ◆ Apapun politik ditafsirkan dalam pelbagai makna dan maksud, antaranya politik itu bermaksud siasat, tipu muslihat, pemerintahan, peperangan, mengetahui sesuatu secara tipu muslihat dan juga muslihat sesuatu pergerakan dan perhimpunan.
- ◆ Dalam kamus bahasa Arab, politik dikenali sebagai *siasah*. Siasah ialah mengendalikan urusan sesebuah negara, memperbaiki keadaan dan urusan manusia dan mentadbir urusan sesebuah negeri.

### Islam dan Politik

- Politik adalah perjuangan mendapat dan melaksanakan kuasa.
- Antara tuntutan Islam terhadap umatnya ialah menggerakkan usaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran, yakni *amar makruf nahi munkar*.
- Arahan dan perintah *amar ma'ruf nahi munkar* lebih berkesan apabila mempunyai kekuasaan dan kekuatan, dimana kedua-duanya adalah elemen-elemen dalam pemerintahan sesebuah negara.
- Realiti ini menolak tanggapan dan pandangan bahawa dalam Islam tidak ada politik, ataupun perlunya ada pemisahan antara agama dan negara, yakni *al-falsu baina addin wa ad-dawlah*.
- Menurut pandangan Islam, politik seperti juga bidang lain ia adalah suatu keperluan kerana ia berkaitan urusan manusia.
- Pada teorinya, politik adalah suatu ilmu yang memiliki kepentingan tersendiri, dan memiliki kepentingan tersendiri, dan pada praktikalnya politik adalah suatu profesion yang memiliki kehormatan dan manfaat kerana ia berkaitan dengan usaha menangani urusan manusia dengan cara sebaik-baiknya.
- Salah seorang ulama Ibnu al-Qaiyyim, salah seorang ulama terkenal menyatakan politik adalah suatu amal yang dengannya manusia boleh menjadi lebih dekat kepada kebaikan dan jauh daripada kerosakan, selagi ia tidak bertentangan dengan syariat.
- Politik menurut perspektif Islam adalah sesuatu yang dinamik dengan menjadikan syariat Islam, yakni al-Quran dan Sunnah, sebagai sandaran utamanya.
- Matlamatnya ialah membawa *al-falah* kepada manusia, baik di dunia mahupun akhirat.
- Politik dalam Islam tidak sekali-sekali menghalalkan cara bagi mewujudkan matlamat.

## **Negara Islam Serta Prinsip-Prinsipnya**

- Politik dalam Islam bertujuan melahirkan masyarakat yang hidup dalam suasana berkasih sayang, saling tolong menolong, menegakkan keadilan ke arah kebahagiaan mutlak kehidupan di dunia dan akhirat
- Oleh sebab itu bagi mencapai objektif dan matlamat ini, sistem politik dan negara Islam hendaklah didasarkan kepada tiga prinsip utama iaitu:

- i) Tauhid
- ii) Risalah
- iii) Khilafah

### Tauhid

Tauhid bererti membuat pengakuan hanya Allah SWT Tuhan yang Maha Esa yang layak disembah dan ditaati secara lahiriah dan batiniah. Tauhid ialah paksi kehidupan seorang Islam yang bertitik tolak daripada dua kalimah shahadah iaitu “Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah”.

Prinsip tauhid menjadi teras kepada sistem politik dan mestilah diwujudkan melalui pelaksanaan segala hukum-hukum, peraturan, undang-undang dan sebagainya mengikut yang ditetapkan oleh Allah SWT. Paling penting, segala tindakan yang dibuat dalam memenuhi agenda negara mesti bermatlamatkan pencapaian keredhaan Allah.

### Risalah

Risalah dalam konteks politik bermaksud mengakui kenabian dan kerasulan Muhammad SAW sebagai panduan membangunkan sesebuah negara. Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah SWT dalam semua bidang yang terkandung dalam al-Quran dan As-Sunnah. Nabi Muhammad SAW memberikan contoh praktikal dalam melaksanakan hukum-hukum Allah SWT supaya diikuti oleh manusia.

### KHILAFAH

Secara harfiah khilafah bermaksud wakil ataupun pemegang amanah. Manusia menurut Islam adalah wakil Allah SWT bagi menguruskan dan mentadbir alam. Dalam konteks politik, prinsip khilafah memberi maksud manusia adalah tertakluk kepada segala hukum-hukum Allah SWT dalam menjalankan urusan kehidupan harian, termasuk soal politik.

## **Intituti-Institusi Utama Dalam Sistem Politik Islam Khalafah.**

- Khalifah, jamaknya *khulafa'*, bererti pengganti, iaitu pengganti Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin umat Islam selepas kewafatan baginda.
- Majoriti ulama' berpendapat masyarakat Islam, wajib mendirikan institusi khalifah atau iamamah bagi menguruskan kepentingan agama dan masyarakat Islam.
- Jawatan khalifah, suatu gelaran kepada ketua negara, dan khilafah, yakni sistem penggantian, adalah berdasarkan ajaran al- Quran dan Sunnah.
- Intituti khalifah yang didirikan oleh Nabi Muhammad SAW sebenarnya berbeza daripada konsep *dawlah* yang lebih berorientasikan negara bangsa atau *notion state* .
- Dalam sistem khalifah terdapat empat ciri penting iaitu:
  - a) Kuasa mutlak adalah milik Allah SWT.
  - b) Manusia hanyalah pemegang amanah sebagai pentadbir
  - c) Pentadbiran undang-undang yang dijalankan hendaklah berdasarkan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT.
  - d) Dalam menjalankan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT, manusia perlu memenuhi matlamat dan objektif yang ditetapkan.

## **Perlantikan Khalifah**

Islam tidak menetapkan sesuatu tatacara yang biasa bagi perlantikan seseorang khalifah. Terdapat tiga cara perlantikan khalifah iaitu:

- 1) Cadangan daripada seseorang dan kemudiannya dipersetujui oleh orang ramai.
- 2) Dilantik oleh khalifah yang terdahulu dan dipersetujui oleh orang ramai.
- 3) Dikemukakan oberapa calon oleh khalifah terdahulu supaya dipilih salah seorang daripada mereka yang paling layak menjawat jaeatan khalifah.

## **Syura**

- Sistem permesyuaratan yang dinamakan syura sudah lama diamalkan dalam sejarah politik Islam.
- Sistem syura adalah suatu *mekanisme* pembuatan keputusan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 159 yang bermaksud, "Urahan negara hendaklah dimesyuaratkan sesama mereka".
- Anggota majlis syura, kriteria seperti ilmu, warak, adil dan beberapa lagi ciri pilitif mestilah diambil kira supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab dengan berkesan,

- Perintah syura lahir daripada ketetapan Allah SWT menerusi Al-Quran, cara dan kaedah syura tidak pula dinyatakan dalam Al-Quran.

### **Baiah**

- Baiah bererti pengakuan seseorang ataupun sekumpulan manusia kepada seseorang untuk memegang kuasa ataupun merintah, yang dikenali sebagai khalifah.
- Membaiah ertinya memberikan pengiktirafan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada khalifah.
- Baiah adalah legitimasi kepada khalifah bagi menjalankan tanggungjawabnya.
- Kebiasaanya baiah dilakukan secara berjabat tangan ataupun secara persetujuan lisan.

### **Perlembagaan Madinah : Dokumen Politik Islam**

- Perlembagaan Madinah atau *Sahifah Madinah*, digubal oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi sebagai asas kepada penubuhan Negara Islam Madinah.
- Perlembagaan Madinah adalah pernyataan politik yang mengandungi ketetapan hak dan tanggungjawab pemerintah dan rakyat, hak orang bukan islam, pertahanan, kemasyarakatan, ekonomi, perpaduan, ummah, dan hak asasi manusia.
- Perlembagaan Madinah adalah perlembagaan bertulis pertama yang pernah digubal di dunia, bukan seperti sangkaan ahli sejarah barat yang mengatakan Perlembagaan Amerika Syarikat (1787 M) dan Perlembagaan Perancis (1795 M) sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia.
- Perlembagaan Madinah mengandungi 10 bab dan 47 Fasal iaitu:

Bab 1 : Pembentukan ummah	(Fasal 1-2)
Bab 2 : Hak Asasi manusia	(Fasal 3-10)
Bab 3 : Perpaduan seagama	(Fasal 11-15)
Bab 4 : Persatuan seluruh wargenegara	(Fasal 16-23)
Bab 5 : Golongan minoriti	(Fasal 24-35)
Bab 6 : Tugas wargenegara	(Fasal 36-38)
Bab 7 : Melindungi negara	(Fasal 39-41)
Bab 8 : Pemimpin negara	(Fasal 42-44)
Bab 9 : Politik perdamaian	(Fasal 45-46)
Bab 10 : Penutup	(Fasal 47)

Kandungan-kandungan penting Perlembagaan Madinah adalah seperti berikut :

- a) Rakyat daripada semua bangsa di Madinah hendaklah hidup sebagai sebuah masyarakat. Adalah menjadi hak milik masyarakat menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang melukukan kerosakan dan memberikan kemasukan kepada sesiapa yang setia.
- b) Kebebasan beragama bagi semua orang.
- c) Semua kaum yang tinggal di Madinah, sama ada muslim ataupun bukan muslim, perlu saling bantu-membantu dan bersama-sama bertanggungjawab mempertahankan Madinah daripada ancaman musuh.
- d) Nabi Muhammad SAW adalah ketua negara bagi Madinah. Baginda mendengar segala permasalahan dan menyelesaikan segala perselisihan yang besar apabila berlaku.

#### **Implikasi perlembagaan Madinah**

- Ia menetapkan masyarakat sesuatu negara bertanggungjawab turut serta mempertahankan keamanan dan melindungi Madinah daripada serangan musuh.
- Ia memupuk semangat kesedaran bahawa Madinah adalah milik bersama seterusnya menghindari permusuhan sesama sendiri.
- Menjamin persamaan dan kebebasan orang Yahudi dan kaum-kaum lain dalam segala soal keduniaan dan urusan agama.
- Mewujudkan suatu umat baru, dan membentuk sebuah negara baru, iaitu Negara Islam. Selepas adanya Perlembagaan Madinah, wujud kesedaran mereka adalah sebuah masyarakat yang satu yang perlu bersatu dalam semua hal ini mengikis status lama Madinah sebagai hanya tempat persinggahan.
- Memberikan kemerdekaan rakyat dengan hak-hak asasi mereka.
- Memberikan panduan dan mengatur corak hubungan antara rakyat berbilang kaum dengan menyemai sifat hormat menghormati, bertanggungjawab mengatur kehidupan masyarakat.
- Corak hubungan orang Yahudi dengan bangsa Arab di Madinah diatur rapi.
- Kota Madinah diistiharkan sebagai ibukota dan daerah aman bagi semua orang.
- Semua umat Islam adalah umat yang satu.
- Menetapkan persamaan di antara semua orang tanpa mengambil kira latar belakang masing-masing.
- Mengagihkan kekayaan secara adil di antara masyarakat. Ini menghindari pembolotan kekayaan oleh sesetengah golongan.

- Melahirkan suatu bentuk pemerintahan yang berpegang teguh kepada sistem syura di mana orang boleh memberi pendapat.

Perlembagaan Madinah mempunyai pegertian yang besar ke atas perkembangan tamadun Islam, terutamanya dalam soal politik. Perlembagaan Madinah melambangkan konsep Negara Islam dapat dipraktikkan dalam peraturan-peraturan berkerajaan dan dalam agama Islam tidak ada pemisahan antara agama dengan politik.

### SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN DALAM TAMADUN ISLAM

Islam menyediakan prinsip, ciri, etika dan sebagainya yang berkaitan dengan muslahat harta manusia. Peraturan-peraturan yang dibincangkan dalam ilmu muamalat, memperkatakan, sumber-sumber ekonomi, pengeluaran, pengagiahn, penggunaan, konsep pemilikan, pengurusan harta seperti jual bel, pinjaman, gadaian, perkongsian, pelaburan dan lain-lain.

#### **Konsep Ekonomi**

##### **Definisi :**

- Ekonomi dalam bahasa Arab bermaksud *iqṭisad*. Perkataan tersebut berasal daripada perkataan *qasḍ* bererti 'pertengahan' dan 'bersederhana dalam sesuatu perkara.
- Iman al- 'Iz bin Abd al- Salam mendefinisikan *al-iqṭisad* sebagai pertengahan antara dua peringkat, dan pertengahan antara dua takat, yakni pertengahan antara kedekut dan membazir.
- Perkataan 'ekonomi' dalam Oxford Dictionary (1986:276) dapat diertikan dengan pelbagai makna. Antaranya ialah keadaan untuk mengelakan pembaziran wang, kekuatan ataupun sesuatu perkara lain yang bernilai.
- Ia juga bermaksud pengawalan dan pengurusan wang, barang-barang dan sumber-sumber yang lain untuk sesuatu kelompok, masyarakat ataupun sesebuah rumah.
- Antara maksudnya juga ialah suatu sistem pengurusan dan penggunaan sumber-sumber.
- Makna dalam Oxford Dictionary sebenarnya menggabungkan makna bahas dan istilah.
- Antara makna tersebut tidak berbeza dengan makna menurut istilah ekonomi yang dinukilkan oleh Rafiq al- Misri (1993:12).

## Perniagaan

- Perniagaan dalam bahasa Arab bermakna *tijarah*.
- Tijarah membawa makna pertukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain, yakni ia adalah jual beli.
- Allah SWT menggunakan perkataan 'perniagaan' bagi seseorang yang menjual amalan baiknya kepada Allah SWT untuk mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah SWT.
- Perniagaan disebut *tajir* iaitu orang yang menjual dan membeli (Al-Faruzabadi, 1997:507) iaitu seseorang yang menjual barang ataupun perkhidmatan.
- Ia kemudiannya membeli kembali barang perniagaan daripada pembekal untuk dijual.
- Perniagaan atau *business* menurut Oxford Dictionary (1985:114) ialah pembelian dan penjualan.
- Ia seperti dengan perdagangan atau *commerce*.
- Perniagaan didefinisikan juga sebagai organisasi yang menggabungkan sumber-sumber iaitu bahan mentah, modal, tenaga kerja, kepakaran [engurusan untuk mengeluarkan hasil sama ada barangan mahupun perkhidmatan bagi mendapatkan untung.
- Perkataan *commerce* membawa maksud yang lebih luas iaitu pertukaran barang dan pengagiahannya, khususnya antara negara-negara.
- Justeru *commerce* tidak hanya terhad kepada pembelian dan penjualan tetapi meliputi penyimpanan, pergidangan, pengangkutan dan pembelian.

## Mu'amalat

- Mu'amalat berasal daripada perkataan kerja "a-ma-la".
- Ia adalah bentuk *jamak* kepada mu'amalah.
- Dalam bahasa Arab ia bermakna interaksi dengan orang lain.
- Mu'amalat menurut istilahnya, sering digunakan untuk segala hukum-hukum yang tersusun mengenai interaksi sesama manusia sama ada berkaitan dengan kewangan ataupun tidak.
- Mu'amalat terbahagi kepada lima iaitu pertukaran sesuatu yang bernilai, perkahwinan, pertelingkahan, amanah-amanah dan harta peninggalan.
- Ulama membahagikan perundangan Islam kepada empat bahagian iaitu :
  - i) Ibadah
  - ii) Mu'amalat
  - iii) Kekeluargaan
  - iv) Hukum-hukum jenayah

- Muhammad Uthman Syubair (1996:10) mendefinisikan *mu'amalat* sebagai hukum-hukum syarak yang tersusun mengenai interaksi manusia dengan wang mahupun sesuatu yang bernilai
  - a) Traksasi pertukaran atau *nal-mu'awadah*, meliputi kontrak jual beli, kontrak penyewaan.
  - b) Transaksi kebajikan atau *al-tabbaru'at*, mengandungi kontrak hadiah atau al-hibah, kontrak wakaf dan wasiat.
  - c) Transaksi penyerahan atau *al-isqatat*, hak seperti membebaskan penghutang daripada hutang.
  - d) Transaksi usahasama atau *al-musyarakat*.
  - e) Transaksi jaminan atau *al-tauthiqat*, meliputi kontrak gadaian, kontrak kafalah dan hawalah.

### **Bahan-bahan Mentah Menurut Ekonomi Islam**

Bahan-bahan mentah untuk kegiatan ekonomi ialah sumber-sumber yang diperoleh bagi menjalankan kegiatan ekonomi. Secara ringkasnya ia terbahagi kepada dua pembahagian utama:

1. pembahagian pertama ialah bahan mentah yang dilihat daripada sudut penggunaan dan pemilikannya.

a) Bahan mentah bebas milik dan bebas guna. Contoh mudahnya ialah udara, air, rumput yang terbentang luas dan lain-lain. Semua orang berhak menggunakannya tanpa perlu membayarnya. Ia merupakan hak masyarakat umum selagi tidak ada yang mengumpulkannya.

b) Bahan mentah hasil kegiatan ekonomi. Contohnya beras yang diperolehi mesti dibayar dengan sesuatu. Bahan tersebut tidak dapat diperolehi tanpa bayaran.

2. pembahagian kedua ialah bahan mentah apabila dilihat daripada sudut punca kewujudannya.

a) Bahan mentah semula jadi. Ia terdiri daripada tanah-tanah, hasil galian yang belum dikeluarkan,, ikan sebelum ditangka, air sungai yang belum dialirkan ke empangan dan lain-lain yang seumpamanya, ia meruoakan pemberian tuhan kepada hambanya tanpa campur tangan manusia menjadikanya.

b) Bahan mentah yang diusahakan. Ia adalah sesuatu yang dimiliki oleh manusia tanpa manusia dengan usaha dan ikhtiarnya. Ia juga meliputi hasil yang diperolehi dari[ada bahan mentah semula jadi apabila sudah dikeluarkan.

## **Kepentingan Ilmu Ekonomi**

Terdapat dua sumber asli utama yang dinikmati oleh setiap keluarga ataupun peribadi.

- a) Sumber asli yang bebas dan tidak terhad
- b) Sumber bahan asli dan bahan mentah terhad

## **Prinsip – Prinsip Sistem Ekonomi Islam**

Terdapat tiga prinsip utama dalam ekonomi Islam iaitu (Rafiq Yunus al-Misri, 1993:19-20)

- a) Semua kegiatan perekonomian diatur mengikut landasan akidah, syariah dan akhlak berdasarkan al- Quran dan al-sunnah.
- b) Ekonomi Islam menggunakan kaedah pemerolehan keputusan berdasarkan pengiraan sebagaimana dalam ilmu matematik. Islam tidak menolak penggunaan rasional dalam mencari keputusan.
- c) Ekonomi Islam mengguna pakai kaedah statistik dan kajian-kajian lepas.

## **Dasar Ekonomi Islam**

Antara dasar-dasar ekonomi yang utama ialah:

- a) Tauhid
- b) Amanah
- c) Tanggungjawab dan kebertanggungjawab
- d) Keadilan
- e) Kebebasan
- f) Syura
- g) Berinovasi dan mengeluarkan diri daripada menjadi pak turut dalam ekonomi

## **Perbazaan Antara Ekonomi Islam Dan Barat**

- a) Konsep kerasionalan Islam berlainan dan kerasioanalan ekonomi barat. Ekonomi islam mendatangkan keuntungan didunia beserta pahala di akhirat
- b) Ekonomi barat mengabaikan aspek pengagihan dan pembahagian. Tumpuan utamanya adalah kepada pengeluaran optimin dengan sumber-sumber yang sedia ada. Ini berbeza dengan Islam kerana Islam mengagihkan pendapatan

sama pentingnya dengan pengeluaran, wujudnya intitusi seperti baitulmal, zakat dan yang lain-lain

- c) Objek pusat dalam paradigma ekonomi barat adalah kelakuan manusia dalam konteks pasaran.
- d) Ahli ekonomi konvensional dikatakan tidak berperanan sebagai pemimpin mahupun sebagai pengkritik yang membina masyarakat kerana mereka melihat sebagai sains positif.

### **Sistem Kewangan Islam**

Sistem kewangan Islam berbeza dengan sistem kewangan konvensional kerana sistem kewangan Islam tidak membenarkan wang melahirkan wang tanpa perantaraan transaksi perniagaan dan perkongsian risiko perniagaan. Atas dasar itu, intitusi perbankan Islam mesti melibatkan diri dengan perniagaan, iaitu antara melalui jual beli untung atau *al-mudarabah*, ataupun *al-musyarakah* atau *mudarabah*.

Terdapat beberapa bentuk operasi kewangan dalam sistem ekonomi Islam. Antaranya ialah:

- a) *Al-Rhan* atau pajak gadai.
- b) *Al-Mudarabah* atau perkongsian
- c) *Al-Bay'bi Thaman* atau jualan dengan harga tangguh.
- d) Kontrak bertolong-bantu atau *al-Takaful* atau insuran Islam.

### KONSEP ILMU DALAM ISLAM

Definisi Ilmu:

Kamus Dewan menghuraikan, ilmu adalah pengetahuan, kepandaian dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain. Encyclopedia mentafsirkan ilmu sebagai 'knowledge' lawan kepada 'jahil atau 'ignorance'

Ilmu dihubungkan dengan 'makrifah'. Makrifah menunjukkan kepada yang didapati melalui pengalaman yang pada mulanya tidak diketahui. Makrifah adalah 'secular knowledge' dan ilmu adalah 'knowledge of God' yang lebih menyentuh keagamaan.

Apabila ilmu itu dikhususkan kepada ilmu agama maka ilmuan dalam bidang itu di panggil ulama. (Abdul Monir Yaakob 1994:39)

Ilmu yang terdapat dalam al- Quran boleh dipecahkan kepada tiga:

- a) Ilmu bererti lihat atau memerhati.
- b) Ilmu bererti ketahui atau mengetahui.
- c) Ilmu bererti kebenaran.

Syed Muhammad Naquib al-Attas menjelaskan definisi ilmu sebagai “suatu kebenaran yang sampai kedalam roh atau menerusi roh atau jiwa manusia”. Maksud roh atau jiwa di dalam definisi tersebut ialah ‘bahagian manusia yang tidak mati seperti kalbu, roh, nafs dan akal. Manakala yang dimaksudkan dengan ‘sampai ke dalam roh atau jiwa’ ialah wahyu dan ‘ yang sampai menerusi roh atau jiwa’ ialah kasyaf, dhauq’ musyahadah atau intuisi yang berkaitan dengan ilmu tassawuf, (Mahayudin Haji Yahya 2000:325).

### **Hukum Dan Nilai Menuntut Ilmu**

- 1) Agama menjelaskan, menuntut atau mencari ilmu itu adalah suatu kewajipan kepada semua orang, baik lelaki mahupun wanita.
- 2) Tuntutan menuntut ilmu ini bukanlah sekadar untuk memperbanyakkan ‘ijazah’, kenaikan pangkat atau mendapatkan pekerjaan bergaji lumayan tetapi untuk menanamkan sikap memuliakan ilmu itu sendiri, menuntut dan terus menghayatinya seumur hidup.
- 3) Apabial tiba saat kematian pula, seseorang Islam diperingatkan lagi berkenaan Allah SWT.

### **Pembahagian Ilmu Dalam Islam**

- Al- Khindi membuat pembahagian ilmu kepada dua, iaitu ilmu berkaitan teor, tabi’ie matematik dan metafizi, dan ilmu yang bersangkutan dengan praktikal, akhlak, sains rumahtangga dan perancangan bandar.
- Manakala Ibn Khaldun meletakkan ilmu berkaitan dengan naqli, al-Quran, tafsir, hadith, nasikhdan mansukh, sanad, ilmu kalam, tasawuf dan lain-lain dalam satu disiplin
- Dua aspek utama pembahagian ilmu Islam iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain ialah ilmu berkaitan syarak, aqidah, dan akhlak. Manakala ilmu fardhu kifayah pula ialah ilmu yang mewajibkan penuntutnya kepada golongan tertentu saja.

### **Sumber-sumber Ilmu**

Islam menetapkan dua sumber utama yang boleh dijadikan sebagai rujukan oleh manusia :

- 1) Sumber Naqli yang membawa maksud kitab suci al- Quran dan hadith baginda Rasulullah SAW.
- 2) Sumber Aqli pula bermaksud kepada pengalaman hidup manusia itu sendiri, penyelidikan, pengamatan hidup dan pengkajian.

### **Matlamat Ilmu**

Umat Islam hendaklah sentiasa menggunakan akal dan ilmu pengetahuan sebagai wadah dan kaedah mengetahui kekuasaan Allah SWT.

## KONSEP DAN FALSAFAH PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Definisi ;

- Dalam tatabahasa Melayu. 'pendidikan' ialah kata nama terbitan yang bermula daripada kata dasar 'didik' yang bermaksud 'jaga' atau 'pelihara' atau 'ajar dengan hati-hati sejak kecil'.
- Pendidikan ialah menyerapkan ilmu pengetahuan ke dalam bentuk teori serta melakukan latihan dalam bentuk praktis bagi membentuk peribadi dan watak, serta mengcungkil bakat yang terpendam.
- Beberapa tokoh ilmuan Islam mendefinisikan pendidikan mengikut teori mereka, antaranya ialah:
  - a) Ibn Jamaah menegaskan pendidikan Islam ialah satu sistem yang bertanggungjawab memberikan ilmu pengetahuan; membolehkan seseorang itu membentuk keperibadian mulia; dan membersihkan hati dan jiwa dari segala kemungkran; berdasarkan bimbingan wahyu.
  - b) Dr. Zaki Salih berpendapat bahawa pendidikan Islam ialah suatu proses yang membawa perubahan kepada sekalian manusia; membawa kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat dan ia hendaklah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.
  - c) Pendidikan dalam pengertian kecil pula didefinisikan oleh Prof. Hassan sebagai meliputi aktiviti manusia memelihara kelanjutan hidupnya sebagai individu dan masyarakat.

## FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

- 1) Falsafah pendidikan yang pertama adalah berteraskan kesepaduan akal, jasad dan roh. Walaubagaimanapun ia hendaklah berteraskan oleh wahyu dalam membina peradaban dunia.
- 2) Falsafah yang kedua ialah membentuk kesepaduan di antara ilmu, iman dan akal. Iman adalah jalan utama mencapai kecintaan kepada Allah SWT. Dengan amal pula, bererti mengemblingkan ilmu-ilmu ke arah kebajikan.
- 3) Falsafah pendidikan memberi perhatian kepada kesaksamaan di antara pembangunan dunia dan kesejahteraan akhirat.

### **Tujuan Pendidikan**

Terdapat tiga tujuan pendidikan dalam Islam menurut Mahayudin Haji Yahya antaranya ialah:

- 1) Tujuan Khas
- 2) Tujuan Am

### 3) Tujuan Akhir

#### **Pengisian Pendidikan Islam**

Dalam pendidikan moden, pengisian atau kurikulumnya mengandungi isu-isu yang luas. Inilah termasuk ideologi, sifat

Ilmu, hubungan kemanusiaan dan kemasyarakatan, proses pembelajaran dan pengajaran dan gaya membina kurikulum.

Menurut kurikulum pendidikan Islam ialah;

- a) Pengaruh mata pelajaran dal pendidikan dan kesempurnaan jiwa.
- b) Perkara-perkara yang diajar perlu membawa para pelajar ke arah cara hidup yang mulia dan sempurna.
- c) Mata pelajaran yang diajar perlulah mempunyai kelazatan ilmiah dan ideologi.
- d) Pendidikan ilmu kemahiran seperti ilmi kejuruteraan, teknik dan industri penting sekali bagi mencari rezeki.
- e) Perkara-perkara yang diajar mestilah bersifat pembuka jalan ke arah usaha yang lebih gigih mempelajari ilmu-ilmu lain.

#### Budaya ilmu islam

Budaya ilmu bermaksud, "kewujudan suatu keadaan diman setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung mahupun tidak langsung dengan kegiatan keilmuan di setiap kesempatan.

Dalam budaya ini ilmu dianggap suatu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di setiap peringkat

Budaya ilmu memperhatikan dua perkataan utama;

- a) Usaha menimba ilmu
- b) Mempraktikan Ilmu dalam kehidupan.

Tiga aspek utama melahirkan budaya ilmu ialah: sistem nilai, pandangan hidup dan idealisme.

#### **Nilai Buadaya Ilmu**

Nilai utama dalam budaya ilmu ialah:

- a) *Mementingkan ilmu*
- b) *Kekalnya hasil ilmiah*
- c) *Beterusnya usaha keilmuan*
- d) *Hormat kritis terhadap ilmu.*

- e) *Kesinambungan ilmu*
- f) *Kepimpinan*
- g) *Bermusyawarah*
- h) *Peranan wanita*

Ketiadaan ilmu boleh menyebabkan atau melahirkan masyarakat yang disebut Naquib Al-Attas. Antara masyarakat yang mempunyai budaya 'bebalisme' "

- 1) Tidak mampu mengenal masalah.
- 2) Tidak berupaya menyelesaikan masalah.
- 3) Tidak mempelajari apa yang diperlukan, malah tidak memiliki kemahiran belajar.
- 4) Tidak dapat menghubungkan sesuatu dalam konteks ruang dan waktu dan dengan faktor-faktor lain.
- 5) Hanya memberikan tindak balas kepada suasana sementara, tetapi tidak memikirkan akibat dan perkiraan jangka panjang.
- 6) Berfikir hanya melalui sebab terhadap dan tidak melalui urutan sebab-akibat.
- 7) Terpenjara oleh tabiat sendiri tanpa berfikir secara kritis
- 8) Tidak berfikir dengan mendalam.
- 9) Tidak konsisten.
- 10) Tidak mempunyai tenaga akal dan hanya menurut apa yang mudah.
- 11) Tidak berupaya berbicara dengan abstraksi yang tinggi tanpa menentang hakikat.

#### **Budaya Ilmu Dalam Tamadun Dunia.**

- Budaya ilmu dalam masyarakat Cina pula memberi penekanan kepada amalan, dan tidak pada ajaran falsafah.
- Manakala pada pendapat masyarakat India kuno memberi penekanan pada bidang falsafah. Mereka juga menekankan pendidikan bagi golongan Brahmin.
- Bagi masyarakat yang berteorikan budaya ilmu Yunani yang berteorikan ilmu dan akhlak berkaitan tetapi dari segi amalan, terdapat percanggahan.

#### **AQIDAH DAN PEMBINAAN TAMADUN ISLAM**

##### **DEFINISI AQIDAH**

- Berasal dari perkataan Arab yang diMelayukan yang bermaksud 'kepercayaan' atau 'keyakinan'(HAJAH NORESAH (1997:347).
- Menurut etimologi bahasa Arab bermaksud 'ikatan' atau 'simpulan' iaitu dari perkataan 'aqada'.
- Pengertian lain ialah 'anji'
- Aqidah juga diertikan dengan sesuatu yang menguatkan dan mengukuhkan(jamaluddin 1994:296)

## PERBEZAAN ANTARA AQIDAH DAN IDEOLOGI MASA KINI

AQIDAH	IDEOLOGI
Iman tertanam di lubuk hati	Tertanam di dalam fikiran, fantasi dan khayalan
Kebenaran yang mutlak dan tetap	Mungkin betul dan mungkin salah,bersifat relative
Perpendirian tetap,teguh dan kukuh selama-lamanya	Pendirian tidak tetap,mudah berubah-ubah dipengaruhi oleh persekitaran
Aman bahagia, tenang kerana sentiasa benar	Gembira apabila benar,sedih dan putus asa apabila salah
Tenang menghadapi apa jua kemungkinan samaada suka ataupun duka	Dipenuhi keraguan dan kebimbangan

## AQIDAH SEBAGAI INTISARI TAMADUN ISLAM

### ASPEK KEPERCAYAAN

- a) Percaya kepada ALLAH SWT
- b) Percaya kepada Malaikat
- c) Percaya kepada Rasul
- d) Percaya kepada Kitab
- e) Percaya kepada Hari Kiamat
- f) Percaya kepada Qada dan Qadar

### FAHAMAN AQIDAH SEBAGAI SUATU KEYAKINAN YANG TETAP DI HATI

- a) Lahirnya ideologi moden seperti sekularisme, nasionalisme dan lain-lain
- b) Lahirnya fahaman kononnya aqidah adalah suatu warisan turun-temurun

### PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN AQIDAH

- Boleh terbatal melalui 3 cara iaitu perkataan, perbuatan dan iktiqad atau pegangan hati
- Perkataan; Tiap- tiap perkataan yang membawa kepada penghinaan kepada islam
- Perbuatan; perbuatan yang dilakukan bagi menghormati dan mengagungkan mana- mana makhluk dengan cara yang layak bagi membesarkan ALLAH SWT sahaja.
- Iktiqad; a) iktiqad alam ini qadim atau kekal tiada pencipta  
b) iktiqad pencipta alam ini baharu dan menyerupai makhluk

c) iktiqad menafikan kebenaran yang disampaikan oleh rasul dan sekaligus menafikan kerasulan Muhammad SAW

## SYARIAH DALAM TAMADUN ISLAM

### Konsep Syari'ah

-Bererti jalan ke tempat pengairan, ataupun jalan yang selalu dilalui, ataupun tempat lalu air di sungai. (Al-Munjid fi al – Lughati;283)

### KEISTIMEWAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH

- Dianggap sempurna bagi memenuhi keperluan manusia dalam semua bidang kehidupan.
- Dianggap lengkap kerana ia mengatur kehidupan manusia daripada yang paling kecil hingga paling besar bagi memelihara kesejahteraan manusia.
- Bersepadu kerana ia mempunyai prinsip-prinsip perundangan yang mengatur urusan keduniaan dan keagamaan, tanpa batasan di antara satu sama lain.
- Juga bersifat universal kerana tidak tertakluk kepada kaum, iklim ataupun daerah geografi.
- Matlamat adalah untuk mendapatkan keredhaan ALLAH SWT.
- Tetap tidak boleh menerima perubahan hingga hari kiamat

### MATLAMAT PERUNDANGAN ISLAM

- Matlamat utama adalah mengatur hidup manusia atau asa"ma'ruf" dan mengetepikan "mungkar".
- Memelihara agama
- Memelihara jiwa
- Memelihara akal
- Memelihara keturunan
- Memelihara harta

### PEMBAHAGIAN UNDANG-UNDANG SYARIAH

#### BAHAGIAN IBADAT

- Ibadat ialah perbuatan ataupun amalan yang berkaitan dengan hak ALLAH SWT.
- Tujuan adalah untuk mendekatkan diri seseorang individu muslim dengan ALLAH.

## BAHAGIAN MUAMALAT

-Muamalat adalah hukum yang berkaitan dengan perbuatan yang berlaku di antara sesama manusia, ianya boleh dikatakan sebagai peraturan yang mengatur cara hidup manusia.

-Dibahagikan kepada 4 bahagian;

- a) Undang-undang keluarga
- b) Undang-undang sivil
- c) Undang-undang jenayah
- d) Undang-undang acara jenayah

## MAZHAB-MAZHAB MUKTABAR DALAM SYARIAH

-Terdapat 4 mazhab yang diiktiraf atau muktabar iaitu ;

- a. Mazhab Shafie'ie yang diasaskan oleh Iman Syafi'ie – ra.(150 H / 767 M – 240 H /820 M)
- b. Mazhab Maliki yang diasaskan oleh Iman Malik ra.(934 H/ 712 M -179 H/ 789 M)
- c) Mazhab Hanbali yang diasaskan oleh Iman Ahmad ibn Hanbal ra. (164 H/780 M-241 H/855 M)
- d) Mazhab Hanafi yang diasaskan oleh Iman Abu Hanifah ra.(80 H/699 M-150 H 767 M)

## SUMBER-SUMBER SYARIAH

Dapat dibahagikan kepada 2:

- a. Dalil-dalil syarak yang disepakati iaitu al-Quran ,al –Sunnah, ijma' dan qiyas
- b. Dalil-dalil syarak yang dipertikaikan iaitu istihsan, masalah mursalah, istishab dan 'urf.

## AL-QURAN

-Mukjizat yang diturunkan oleh ALLAH SWT melalui Jibril as. Kepada Nabi Muhammad SAW, di mana membacanya adalah ibadah.

-Kekuatan al-Quran sebagai sumber dalil dapat disimpulkan daripada ayat-ayat yang terdapat di dalamnya lebih 30 kali.

## AL- SUNNAH

-Segala yang disandarkan kepada Rasullulah Saw sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan serta sifat kejadian, akhlak dan riwayat hidup baginda, sebelum dan sesudah baginda dilantik menjadi Rasul.

-Ia diriwayatkan daripada Rasullulah SAW oleh para sahabat , tabiin dan seterusnya sehingga ditulis oleh ulama' Hadis.

Al-sunnah melengkapi al-Quran dengan 3 cara iaitu;

- a. Ia menegaskan hukum yang terdapat dalam al-Quran
- b. Ia menjelaskan apa yang tidak diperincikan dalam al-Quran
- c. Ia menetapkan hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran tetapi hukum ini bertepatan dengan prinsip umum dalam al-Quran

AL- IJMA'

-Kata sepakat semua ulama' islam yang mujtahid pada suatu masa selepas wafatnya Rasulullah SAW mengenai sesuatu hukum syari'ah.

-Terdapat 2 jenis ijma' iaitu sarih dan sukuti.

AL- QIAS

-Menyandarkan sesuatu yang tidak belum ada hukumnya kepada sesuatu yang sudah ada hukumnya daripada nas oleh persamaan 'illah iaitu sebab musabab.

AL- IJTIHAD

-Pemahaman nas dalam mengeluarkan hukum.

AL- ISTIHSAN

-Beramal dengan dalil yang lebih kuat.

MAQASID SYARIAH

-Dari segi bahasa bermaksud arah tuju yang betul dalam perjalanan.

-Dari segi istilah mernaksud ALLAH SWT menurunkan syariatNYA bertujuan menjaga dan menjamin kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat tidak kira sama ada ia berbentuk ibadat ataupun sistem kehidupan yang luas seperti ekonomi ,politik dan kemasyarakatan.

PEMBAHAGIAN MAQASID

-Mempunyai peringkat-peringkat yang berbeza ;

- a. Maqasid dhururiyyah
- b. Maqasid hajiyyah
- c. Maqasid tahsiniyah

## AKHLAK DALAM TAMADUN ISLAM

### PENGERTIAN AKHLAK

- Berasal dari bahasa Arab iaitu jamak daripada khuluk.
- Dari sudut bahasa khuluk bermaksud budi pekerti, perangai, tingkah laku, pegangan, sikap ataupun tabiat.

### KONSEP BAIK DAN JAHAT

- Akhlak dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu akhlak baik dan akhlak buruk.
- Akhlak baik disebut sifat mahmudah. Ia adalah himpunan nilai dan sifat yang baik dan terpuji mengikut pandangan Islam yang ada pada seseorang.
- Akhlak buruk dalam bahasa Arabnya dikenali sebagai sifat-sifat mazmumah merupakan sifat-sifat yang bercanggah dengan ajaran al-Quran dan sunnah.
- Sebarang sifat dan akhlak yang tergolong dalam kategori akhlak buruk amat dibenci dan dikeji dalam pandangan Islam.

### KEPENTINGAN AKHLAK

- Antara ciri yang membezakan antara manusia dan haiwan.
- Manusia tanpa akhlak yang baik hilang taraf kemanusiaannya

### AKHLAK , ETIKA DAN MORAL

- Terdapat 2 lagi konsep yang juga memfokuskan kepada hal-hal berkaitan dengan nilai baik dan nilai buruk yang dilakukan oleh manusia.
- 2 konsep itu ialah etika dan moral.

#### Definisi Etika

- Bermaksud nilai-nilai ataupun perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan.
- Terbahagi kepada 2 iaitu normatic dan mataethic.

#### Definisi Moral

- Bermaksud sebagai tingkah laku yang ditentukan oleh etika.
- Terbahagi kepada 2 iaitu baik dan jahat.
- Yang baik ialah segala tingkah laku yang dikenali pasti oleh etika sebagai baik dan yang jahat ialah sebagai tingkah laku yang dikenali pasti oleh etika sebagai jahat.

## MORAL DAN FAHAMAN SEKULAR

-Menurut sistem sekular, nilai moral dapat dikelompokkan dalam 2 bahagian utama iaitu:

- a) nilai moral keagamaan
- b) nilai moral sekular
- c) nilai perbuatan manusia

## AWAL TAMADUN ISLAM : PEMBENTUKAN PERIBADI DAN KELUARGA

### PERSEKITARAN BANGSA ARAB PRAISLAM

-Tajuk ini menyentuh 3 aspek penting, iaitu latar belakang geografi semenanjung tanah Arab, suasana politik masyarakat Arab waktu itu, dan sistem sosial mereka.

### DETIK AWAL PEMBINAAN TAMADUN ISLAM

-Lahirnya Rasullullah SAW berserta dengan turunnya wahyu daripada ALLAH SWT di Gua Hira' di kaki bukit an – Nur pada 17 Ramadan 610 Masihi.

-Menurut Abu Urwah (1989), perbincangan berkenaan suasana awal tamadun Islam boleh dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu peringkat awal di Mekah ,peringkat pertengahan dan peringkat akhir.

-Berikut adalah aspek-aspek penekanan wahyu dan intisari dakwah yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW ;

a. Pembicaraan berkenaan wahyu dan 'aqidah'

b. Gambaran mengenai kekuasaan Allah SWT dan kesan-kesan rahmatnya.

c. Menegaskan keyakinan bahawa manusia akan dibangkitkan kembali pada Hari Qiamat.

d. Menggambarkan peristiwa yang akan berlaku pada Hari Qiamat

e. Memberi amaran kepada kaum Musyrikin mereka akan menerima azab di dunia sebagaimana yang menimpa umat dahulu yang mendustakan Allah SWT.

f. Meneguhkan konsep tanggungjawab kerana setiap perbuatan akan disioal oleh Allah SWT kelak.

g. Menghiburkan hati Rasulullah SAW akibat siksaan dan penindasan yang dilakukan oleh kaumnya sendiri dengan menceritakan segala siksaan dan penderitaan yang dialami oleh sekalian Rasul terdahulu.

h. Menjelaskan bahawa ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan ajaran yang dibawa oleh rasul-rasul sebelumnya adalah aqidah yang satu.

i. Menerangkan secara tidak langsung Islam adalah seruan sejagat ia bersifat global, merangkumi seluruh umat manusia di atas muka bumi ini.

## PERTAHAPAN PENGHAYATAN TAMADUN ISLAM : PEMBINAAN PERIBADI DAN KELUARGA

### PEMBINAAN PERIBADI

- Tahap pembinaan adalah tahap pertama dalam pembinaan tamadun Islam.
- Peribadi-peribadi ini menjadi batu bata kepada tahap-tahap pembinaan yang lebih besar seperti keluarga dan masyarakat

### PEMBINAAN KELUARGA

- Institusi keluarga adalah komponen pembentukan masyarakat pada tahap kedua pembinaan tamadun Islam.
- Keutuhan masyarakat bergantung kepada keutuhan institusi keluarga itu sendiri.
- Bagi menjamin supaya kebahagiaan dalam perkahwinan berkekalan, maka mestilah diasaskan kepada beberapa faktor di antaranya ;
  - a. takwa
  - b. Al- mawaddah
  - c. Al- rahmah

### TANGGUNGJAWAB SEBELUM BERUMAH TANGGA

- Penyediaan peribadi
- perlu tahu;
  - a. matlamat perkahwinan
  - b. memilih pasangan hidup yang baik
  - c. dalam memilih pasangan hidup akhlak yang baik hendaklah diberikan keutamaan

## TANGGUNGJAWAB SEMASA BERUMAH TANGGA

-Bagi suami ; mesti amanah dan tanggungjawab

Mestilah dihayati dan dilaksanakan dengan penuh jujur dan ikhlas

Tanggungjawab utama adalah membimbing dan membangun serta membawa keluarga ke arah kebahagiaan dan keimanan.

-Bagi isteri ; berperanan sebagai pemimpin atau pengurus kepada orang-orang yang tinggal serumah dengannya

## PENDIDIKAN ANAK-ANAK

-Tanggungjawab utama ialah memberikan tarbiyah ataupun pendidikan Islam.

-Bertujuan untuk memastikan anak-anak selamat daripada bahaya siksaan api neraka di akhirat.

-Islam menggariskan beberapa langkah dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab;

a. sentiasa berdoa agar Allah SWT memberi perlindungan kepada anak-anak

b. memberi nama yang baik kepada anak-anak

c. mencukur rambut dan mengadakan aqiqah terutamanya pada hari ketujuh selepas kelahiran

d. menyusukan anak sejak dilahirkan hinggalah anaknya berusia 2 tahun

e. wajib mendidik anak-anak menjadi manusia yang beriman, bertakwa, beramal soleh dan berakhlak baik

f. memberi nafkah

## AWAL TAMADUN ISLAM : PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN NEGARA ISLAM

### TRIBULASI DAN MEHNAH DALAM DAKWAH

-Para pendukung gerakan mengEsakan Allah SWT menghadapi halangan-halangan yang mereka tempuhi dan atasi dalam menegakkan Islam.

-Pertambahan kaum Muslimin daripada semasa ke semasa menyebabkan kaum Quraisy meningkatkan penentangan mereka.

-Di kalangan para pengikut Islam ada yang disiksa, dipulau, dibunuh, diugut namun begitu oleh kerana ikatan akidah yang ditanam oleh Rasulullah SAW begitu kuat, maka kekejaman yang berlaku sedikit pun tidak merubah kepercayaan mereka kepada Allah SWT.

-Antara halangan-halangan;

a. kaum Quraisy memohon kepada bapa saudara Nabi Muhammad SAW, Abu Thalib supaya baginda Rasulullah SAW menghentikan seruannya kepada Islam.

b.kaum Quraisy meminta kepada Abu Thalib supaya Nabi Muhammad Saw diserahkan kepada mereka.

c.Nabi Muhammad SAW dipujuk dan diumpun dengan wanita , harta dan pangkat supaya ditinggalkan seruannya itu.

d.kuam Quraisy cuba berkompromi dengan mencadangkan supaya Nabi Muhammad SAW menyembah patung Al – Latta,al-uzza dan al –Manat selama 1tahun selepas itu mereka menyembah tuhan Nabi Muhammad iaitu secara bergilir-gilir.

- Akibat mereka gagal memujuk Nabi maka mereka mengusahakan pula pendekatan baru iaitu dengan mengambil tindakan ke atas pengikut-pengikutnya.

-Kemuncak daripada penentangan kaum Quraosy Mekah ialah usaha mereka memulakan keluarga Rasullulah Saw dan merancang membunuh baginda.

## HIJRAH DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT ISLAM DI MADINAH

-Akibat penentangan berterusan yang diterima daripada masyarakat Quraisy Mekah maka pada 622M baginda bersama pengikutnya berhijrah ke Madinah ai-Munawwarah.

-Masyarakat Madinah sememangnya menantikan kunjungan dan kedatangan Rasullulah Saw

-Ketibaan Rasullulah SAW sendiri disambut dengan iringan kesyukuran ,kegembiraan yang dizahirkan menerusi nasyid dan berselawat kepadanya.

-Dengan penghijrahan ini bermulalah dimensi baru tugas dakwah baginda iaitupembinaan masyarakat dan negara.

-Membina sebuah masyarakat Islam yang menjadi contoh kepada umat manusia

## INSTITUSI SOSIAL ISLAM

## KONSEP MANUSIA MENURUT ISLAM

-Manusia yang bertebaran di serata dunia hari ini bermula daripada Nabi Adam as. dan isterinya Hawa,dan bukannya daripada binatang sebagaimana anggapan yang dikemukakan oleh charles Darwin dalam teori evolusinya.

-Teori itu sendiri banyak dikritik oleh sarjana-sarjana sains Barat pada masa kebelakangan ini

-Manusia sebenarnya adalah suatu kejadian ataupun makhluk yang unik jika dibandingkan dengan makhluk hidup yang lain, baik dari segi fizikal mahupun kejiwaan.

-Insan adalah makhluk Allah paling mulia’.

-Al Quran menyebut 2 unsur penting dalam penciptaan manusia yaang terdiri daripada tanah dan roh.

-Berdasarkan kejadian tersebut manusia ditugaskan di dunia ini mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam,di samping berjasa kepada alam sejagat.

-Keperluan hidup manusia terarah kepada kehendak-kehendak biologinya yang terkumpul dalam 3 perkara pokok ;

- a. makanan dan minuman
- b. pakaian dan perhiasan
- c. kediaman dan keamanan

## PENGURUSAN KEHIDUPAN

-Sebagai makhluk yang dijadikan dengan sebaik-baik kejadian dan dilantik oleh Allah SWT sebagai pentadbir atau khalifah di muka alam ini, maka manusia selaku agen sosial perlu mencorakkan sebuah kehidupan yang bermula dengan pembinaan institusi keluarga, jiran dan masyarakat yang akhirnya membentuk ummah.

## RAHSIA DI SEBALIK PERKAHWINAN

-Bermaksud pengumpulan lelaki dan perempuan melalui suatu ikatan atau perjanjian yang menghalalkan perhubungan antara keduanya menurut syarat-syarat tertentu.

-Merupakan suatu ibadah di dalam Islam

-Antara rahsia –rahsia yang tersirat di sebalik sesebuah perkahwinan ialah;

- a. Mekanisme pemeliharaan maruah
- b. Medan pengembangan zuriat yang sah
- c. Peluang latihan keibubapaan
- d. Pembahagian tugas
- e. Rumah tangga sebagai agen sosialisasi
- f. sumber kebahagiaan

## SISTEM PUSAKA ISLAM

-Disebut ilmu faraid.

-Menurut syarak, pusaka ialah suatu hak yang boleh dibahagikan kepada yang berhak selepas yang berhak dahulu mati, berdasarkan hubungan kerabat ,isteri, suami ataupun wala' yakni pembebasan hamba.

## KEJIRANAN

-Aspek lain yang turut diutamakan dalam persoalan sosial Islam ialah ajaran yang mengatur hubungan antara masyarakat iaitu menghormati jiran tetangga.

-Siapakah jiran kita?

Menurut ulamak Islam ,mereka yang disebut jiran ialah;

a. orang yang tinggal dalam satu bangunan

b. orang yang tinggal berdekatan dengan rumah kita

c. orang yang tinggal dalam lingkungan jarak 40 buah rumah daripada rumah kita dalam semua jurusan atau arah

d. orang yang tinggal senegeri dengan kita

-Dalam maksud sebuah hadis yang lain, Rasulullah SAW menerangkan bahawa hak jiran terbahagi kepada 3;

a. Jiran yang mempunyai satu hak

b. Jiran yang mempunyai dua hak

c. Jiran yang mempunyai tiga hak

-Pada umumnya semua jiran yang diiktiraf oleh Islam mempunyai hak-hak bersama yang perlu dipatuhi bagi menjamin kesejahteraan bermasyarakat. Antaranya ialah;


-menjaga jiran daripada penganiayaan

-melindungi jiran daripada orang yang berniat jahat terhadapnya

-berbuat baik kepada jiran

## ISLAM DAN SAINS

Oleh: Muhammad Bin Ahmad



## **DEFINISI SAINS**

- Sains adalah “suatu cabang ilmu yang mengkaji sekumpulan pernyataan yang terbukti atau dengan fakta-fakta yang ditinjau, dan disusun secara bersistem dan dihipunkan dalam bentuk hukum-hukum umum dan termasuklah kaedah-kaedah yang boleh dipercayai untuk menghasilkan kebenaran baru dalam lapangannya sendiri.
- Kaedah memperolehi ilmu melalui sains:
  - Kajian-kajian empirikal melalui pengumpulan data
  - Pemerhatian manusia
- Menurut pandangan sains moden ialah:
  - Satu percubaan untuk sampai kepada kebenaran melalui jalan-jalan rasional
  - Perkara-perkara yang di nilai secara subjektif seperti institusi, sangkaan dan emosi tidak termasuk dalam sains.
- Pemahaman barat:
  - Sains terbatas kepada mengetahui sesuatu dengan cara ujikaji dan kaedah-kaedah yang dipersetujui oleh sarjana-sarjana mereka.
- Kekurangan yang jelas dalam pengertian sains Barat adalah keyakinan sesuatu itu dianggap benar dan wujud apabila ia sudah diuji.
- Pemahaman Islam:
  - Tidak semua perkara itu dilihat keabsahannya hanya dengan jalan ujikaji. Islam meletakkan wahyu sebagai asas utama terhadap sesuatu, terutama perkara yang kewujudannya tidak dapat dikesan pancaindera.

## **PAPARAN AL-QURAN TENTANG BERBAGAI BIDANG SAINS**

### **Botani**

- a. Surah al-Hirr ayat 5

### **Zoologi**

- a. Surah al-Nur ayat 45
- b. Surah al-Nahl ayat 68 dan 69

### **Embriologi**

- a. Surah al-Tariq ayat 6 dan 7
- b. Surah al-Mukminun ayat 13 dan 14

### **Geologi**

- a. Surah al-Naml ayat 61
- b. Surah al-Nahl ayat 5

Ayat-ayat ini hanya sebahagian kecil sahaja daripada gambaran alam yang disebutkan oleh Allah dalam al-quran. Daripada sinilah kajian dilakukan oleh para saintis Islam untuk memperlihatkan kebesaran Allah. Selain daripada ayat ini banyak lagi ayat lain yang boleh dijadikan bukti.

### **PANDANGAN ISLAM TERHADAP SAINS DAN TEKNOLOGI**

- Islam melihat sains sebagai satu ilmu yang sangat diperlukan oleh manusia untuk memajukan kehidupan mereka.
- Bapa sosiologi Barat, August Comte (1789-1857) mengatakan manusia dari sudut kepercayaan dapat dibahagikan kepada 3 peringkat:
  - 1) Manusia mentafsirkan kejadian dan fenomena dengan nama Tuhan.
  - 2) Manusia mentafsirkan kejadian dan fenomena hidup dengan cara metafizik.
  - 3) Manusia mentafsirkan fenomena alam dengan bersandarkan kepada 'Hukum-Hukum Alam Semula Jadi.'
- Peringkat yang akhir Comte mengatakan, manusia tidak lagi menaruh kepercayaan kepada kekuasaan lain, tetapi lebih percaya kepada kemampuan dirinya sendiri untuk mengubah @ mengatur berbagai kejadian alam yang sebelum ini di bawah kuasa ghaib.
- Berbeza dengan pandangan Islam, Islam menetap sesuatu itu adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan Sunnah Rasul, dan tidak terkecuali ilmu sains dan teknologi.


### **SEJARAH PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN SAINS ISLAM**

- Pencapaian ahli sains Islam dalam pelbagai bidang ilmu tidak dapat dinafikan, antaranya ialah bidang biologi, fizik dan astronomi.
- ✓ ***Bidang Biologi:***
  - Pemahaman asas wujud sejak zaman kerajaan Umayyah.
  - Minat ahli-ahli sains terhadap kuda dan unta melahirkan kajian berkaitan baka binatang.
  - Awal abad ke-8 wujud buku-buku yang memperkatakan biologi haiwan.
- ✓ ***Bidang Fizik:***
  - Orang Islam berperanan menterjemah, memaju dan mengadakan penemuan baru terhadap fizik Yunani.
  - Abad ke-7 → 12 masyarakat Islam menunjukkan pencapaian yang hebat, yang kemudiannya dipelajari oleh masyarakat barat.

- Fizik mengkaji benda-benda yang berubah, **al-Farabi**-mengkaji bunyi dalam pelbagai keadaan, **Ibn Sina**-mengkaji halaju bunyi dan cahaya (menulis kajian dalam buku **Al-Syifa**).
- ✓ **Bidang Geologi:**
  - Merupakan bahan komponen yang asas sekali dalam bidang-bidang lain seperti botani dan zoologi.
  - Perubahan permukaan bumi serta isinya.
  - Pertukaran tanah daratan serta lautan.
  - Kejadian gempa bumi sebagai alat mengubah bentuk permukaan bumi.

## TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN BARAT

Oleh: Azizah Othman



Pertembungan antara Islam dengan Barat di medan Peperangan Salib pada penghujung abad ke11 Masihi merupakan titik tolak baru dalam perjalanan sejarah perhubungan di antara Islam dan Barat. Pertembungan berdarah itu mempengaruhi hampir setiap tahap perhubungan di antara kedua pihak itu.

### PERTENTANGAN TIMUR DAN BARAT

- Dunia ini terbahagi kepada 2 belahan iaitu Timur dan Barat

- Setiap belahan itu masing-masing mempunyai peradaban, adat istiadat dan tradisi yang berlainan sekali, mengikut konsep teori perbezaan.
- Akibat perbezaan ini, eropah mencari jalan yang memisahkan peradaban Timur daripada masyarakat Timur dan cuba menyebarkan aspek-aspek ketamadunan mereka.
  - Cuba mengubah sistem pemerintahan Islam kepada sistem pemerintahan Barat
    - Termasuk sistem pendidikan dan pemikiran umat Islam.

### **SEJARAH PENENTANGAN BARAT KE ATAS ISLAM**

- Tentangan Barat terhadap Islam telah lama wujud, semenjak zaman awal pemerintahan Islam lagi.
- Empayar Islam seperti Abbasiyah dan Uthmaniah, dapat meluaskan kekuasaan Islam hingga hampir meliputi dua pertiga Eropah.
- Empayar Bayar yang kuat seperti empayar Rom gagal menyekat keagungan kekuasaan Islam.
- Kekuasaan Islam mulai merosot akibat perpecahan yang berlaku sesama umat Islam sendiri, pada zaman pemerintahan Uthmaniah di Turki.
- Melihat keadaan ini golongan Kristian Barat mula melancarkan gerakan menentang kekuasaan Islam dengan melancarkan Perang Salib.

### **PERANG SALIB**

- Dilancarkan pada 1097-1292
- Sepanjang tujuh siri berlangsung, memakan masa selama 195 tahun, Barat hanya mampu tunjukkan taringnya pada peringkat permulaan sahaja.
- Kemenangan seterusnya menjadi milik Islam tetapi Yahudi mula mempelajari bahasa Arab dan mengkaji pemikiran Islam dalam usaha mencari kelemahan umat Islam.
  - **PUNCA**
    - Perbezaan Ideologi dan fahaman agama
    - Penguasaan tempat-tempat suci
    - Peranan gereja dan Pope
    - Penyatuan orang kristian
    - Faktor ekonomi
  - **KESAN-KESAN PERANG SALIB**
    - **Kesan ke atas bidang ilmu dan kebudayaan**
      - I. Ilmu pengetahuan daripada Greek-Roman yang di tulis dalam Bahasa Arab disalin kembali ke dalam bahasa-bahasa eropah.
      - II. Mengharamkan pengajian bercorak Islam

- III. Penjajah barat mengangkut balik segala buku-buku ilmu pengetahuan Islam dari negara-negara yang mereka jajah ke negara Eropah.
- IV. Banyak buku geografi dikarang bagi menunjukkan jalan ke negara-negara Islam yang menjadi sasaran mereka.

- **Kesan ke atas bidang ekonomi**

- I. Peluang mereka terbuka luas bagi menjalankan aktiviti perdagangan sehinggakan segala keperluan Eropah diperolehi di sana.
- II. Kegiatan pembinaan kapal juga semakin berkembang pesat di Barat.
- III. Pelbagai jenis tanaman diperkenalkan di Eropah


- **Kesan ke atas politik**

- I. Membuka mata Eropah menjelajah dan menjajah negeri-negeri Timur yang kaya dengan hasil bumi.
- II. Menjajah kawasan-kawasan Timur demi mengaut keuntungan ekonomi.

- **Kesan ke atas bidang agama**

- i. Meruntuhkan kekuasaan yang selama ini dipegang oleh pihak gereja.
- ii. Mengasaskan bibit-bibit orientalisme kerana sejak detik itu para paderi mula mempelajari bahasa Arab dan pemikiran Islam

Oleh: Asamadi Mohamed Naim



### **SIFAT PERTEMBUNGAN**

- Berlaku dalam beberapa aspek perniagaan, peperangan, diplomatik, kebudayaan dan pendidikan.
- Kemuncaknya, apabila hubungan islam dengan dunia Eropah semakin hampir dengan jatuhnya wilayah-wilayah di Afrika Utara ke tangan kuasa Islam.
- Permulaannya berlaku secara harmoni dalam aspek kebudayaan dan intelektual.
- Klimaksnya kepada pertembungan tersebut dengan siri-siri peperangan yang dikenali sebagai Perang Salib.

- Kuasa Barat meletakkan 3 asas utama dalam menyusun strategi penjajahan mereka ke atas negara-negara Islam iaitu:
  - ***God, Gospel and Glory*** iaitu ***penguasaan politik, mengumpul hasil kekayaan dan mengembangkan agama kristian.***
  - Dan bertentangan dengan tujuan perluasan dalam islam iaitu ***menegakkan keadilan kepada semua, menyebarkan islam, menyebarkan ilmu pengetahuan dan melaksanakan syariat Allah di muka Bumi.***

### **CABARAN KOLONIALISME**

- Melebarkan pengaruh ke Asia Tenggara
- Terus berlaku, ekoran berlakunya Revolusi Perindustrian sekitar abad ke 18 Masihi yang menuntut bekalan bahan mentah.
- Cuba mencampuri urusan ekonomi, politik dan urusan sosial negara-negara khususnya Islam
- Sejak kebelakangan ini gaya dan corak kolonialisme berubah mengikut keadaan semasa.
- Penjajahan Rusia-semua rakyat khususnya umat Islam menerima tekanan dan siksaan fizikal yang dahsyat.
- Pembersihan etnik turut dilakukan serta transmigrasi dilakukan dengan menghalau umat Islam sehingga umat Islam menjadi minoriti di negara sendiri.
- Di Asia Tengah, penjajah sengaja mewujudkan kawasan-kawasan yang didominasi mengikut kaum-kaum tertentu mengikut bangsa dan suku.

### **KEGIATAN MUBALIGH DAN POLISI PENJAJAH**

- Bersaing untuk menjalankan seruan misionari di negara-negara umat Islam.
- Di Indonesia, dijalankan oleh paderi kristian mendapat kebenaran daripada Belanda
- Indonesia dikenakan tekanan sekiranya mahu mengerjakan haji.
- Perlindungan dan bantuan diberikan kepada kegiatan misionari sedangkan pendakwah Islam dihalang.
- Sekolah misionari di beri bantuan.
- Memberi ganjaran kepada pendeta kristian.


### **DAMPAK PENJAJAHAN KE ATAS FIZIKAL DAN PEMERINTAHAN UMAT ISLAM**

- ***FIZIKAL***
  - Umat Islam menerima corak hidup Barat yang tidak selari dengan Islam
  - Kebebasan bergaul, pengaruh bahasa, cara berpakaian, makanan dan lain-lain.

- Melalui siaran radio dan televisyen
- **PEMIKIRAN**
  - Penerimaan umat islam dan pemerintahan negara umat Islam terhadap idealisme yang sengaja dicipta bagi menghancurkan umat Islam.
  - Percanggahan di antara fahaman Islam dengan nasionalisme yang berlaku di *Indonesia, Timur Tengah, Asia Tenggara, India dan Pakistan.*

## **TAMADUN ISLAM DAN ERA PASCA KOLONIALISME**

Oleh: Asmadi Mohamad Naim



### **IMPLIKASI KEMERDEKAAN**

- Beberapa sarjana Islam, memperbahaskan masalah peperangan pemikiran Islam-Barat yang berkisar pada persoalan patriotisme, nasionalisme, perkauman dan negara-bangsa.
- Bagi menjawab tanggapan Islam terhadap permasalahan Nasionalisme dan perkauman itu. Mengikut As-Syahid Hassan al-Banna, nasionalisme dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu:

1. Kerinduan dan kecenderungan hati
2. Kebebasan dan kemuliaan
3. Kemasyarakatan
4. Penaklukan
5. Kepartian

- Perkauman kepada beberapa bentuk
  1. perkauman kemengahan atau Qaumiyah al-Majid
  2. perkauman ummah
  3. perkauman Jahiliyyah
  4. perkauman permusuhan


### **ISLAM DAN ORDER ANTARABANGSA KINI**

- Islam ditakdirkan menjadi agama dunia dan mencipta sesuatu tamadun daripada hujung **Masyriq** atau **Timur**, hingga ke hujung **Maghrib** atau **Barat**.
- Sesungguhnya hari ini dunia Islam kekal daripada Atlantik hingga ke Pasifik dan kehadiran Islam di Eropah dan Amerika adalah pasti, dihidupkan oleh ajaran-ajaran Islam yang berusaha supaya menonjolkan identitinya tersendiri.
- Fundamentalisme Islam boleh dibahagikan kepada 2 kumpulan
  1. sebagaimana perkataan itu difahami, ataupun sekurang-kurangnya seharusnya difahami, menurut bimbingan dan ajaran yang betul, dan
  2. istilah yang digunakan dengan meluas ketika ini menghuraikan konflik semasa, sama ada benar ataupun khayalan, antara Islam dan Barat.

*Hari ini umat Islam bangkit semula untuk kembali kepada kemurnian Islam disebalik rasa cemas barat. Arus kebangkitan Islam tidak dapat disekat. Di mana-mana sahaja kedengaran suara yang mengajak umat Islam kembali kepada Islam.*

MASA DEPAN TAMADUN ISLAM

Oleh: Mahyuddin Abu Bakar



### **CABARAN DUNIA ISLAM DAN ORDE BARU DUNIA ISLAM**

- kepimpinan Negara-negara yang menjadi superpower terus memperlekeh dan memperkotak-katikkan pemimpin negara-negara Islam khususnya yang sedang dilanda masalah.
- Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan para pemimpin negara umat Islam masih belum sedar dan tidak tahu matlamat sebenar tanggungjawab mereka sebagai pemimpin umat Islam.
- Situasi ini berlaku ke atas umat Islam kini ada kaitannya dengan beberapa faktor antaranya:
  - a) Ketandusan pemimpin-pemimpin yang berjiwa besar bagi meggerakkan kekuatan sumber ekonomi yang berada di tangan umat Islam.
  - b) Kadar buta huruf yang masih tinggi di kalangan umat Islam di negara-negara umat Islam seperti Pakistan, Sudan, Iraq, Mesir, Somalia dan Iran
  - c) Kurangnya kerjasama khususnya dalam bidang ekonomi, pertahanan, kebudayaan dan seumpamanya di antara negara-negara umat Islam.

- d) Peranan yang tidak begitu menonjol oleh badan-badan Islam seperti OIC dan sebagainya.

### **ORDE BARU DUNIA ISLAM DAN KESINAMBUNGAN PERJUANGAN UMATNYA**

- Sarjana-sarjana Barat menyatakan umat Islam mempunyai potensi besar bagi mewarnai masa depan peradaban dunia.
- Ini diakui oleh Bernard Shaw yang mengatakan  
*'The Future religion of the learned, culture and enlightened people will be Islam'*
- Manakala Arnold Toynbee berkata Islam adalah  
*'The Future Move of The World'*
- Justeru bagi merealisasikannya, umat Islam perlu membina semula kecemerlangan yang dilengkapkan Barat yang menjadi musuh Islam.

### **LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEREALISASIKAN**

- ❖ Untuk merealisasikan usaha tersebut, dunia Islam perlu menghadapi beberapa cabaran iaitu:
  - a. Menangani perubahan-perubahan dunia yang sedang pasti berlaku pada masa ini
  - b. Menyelaskan masalah perpaduan dan kerjasama di antara negara-negara umat Islam supaya mengelakkan musuh mengambil kesempatan ke atas umat Islam seperti Peristiwa Perang Teluk.
  - c. Membina dan membaiki semua imej Islam yang tercalar kesan daripada langkah-langkah musuh Islam melabelkan dunia Islam dengan radikal, militant, fundamentalisme, dan sebagainya yang bersifat negatif.
  - d. Umat Islam perlu menghidupkan budaya 'Iqra' melalui wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah.
  - e. Cabaran seterusnya adalah dalam bidang perekonomian yang meliputi aspek kemiskinan, kedudukan hutang luar negara, kegiatan bagi mencambahkan ekonomi negara dan menyelesaikan masalah kemunduran negara-negara umat Islam.
  - f. Aspek budaya dan cara hidup juga menjadi cabaran kepada dunia Islam.
  - g. Cabaran terakhir adalah penawaran model tamadun Islam di zaman moden.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, takrif konsep dan prinsip-prinsip asas tamadun yang dibincangkan menggabungkan suatu idealisme kesejagatan persepsi tentang perkembangan kehidupan manusia. Antara tamadun Islam dan tamadun Barat tidak terdapat perbezaan dalam menentukan bahawa tamadun adalah pencapaian, perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh kelompok-kelompok manusia. Yang berbeza antara kedua tamadun ini ialah persepsi tentang aspek yang perlu ditekankan oleh tamadun, serta asas, sumber dan matlamat yang di bawa oleh tamadun di sebalik pencapaian tersebut.

Islam juga amat mementingkan ilmu pengetahuan dalam kehidupan umatnya. Ilmu tersebut bukan hanya berkaitan dengan soal akhirat, tetapi juga merangkumi hal-hal keduniaan. Ternyata masyarakat Islam menguasai pelbagai jenis Ilmu pengetahuan termasuklah Ilmu Fardu Ain dan Ilmu Fardu Kifayah. Tamadun Islam berjaya melahirkan tokoh Ilmuan terkemuka di dunia termasuklah Ibnu Sina, al-Farabi, al-Khawarizmi, Jabir ibni Hayyan, al-Jahiz, al-Haitham, Ibnu al-Baitar dan ramai lagi.

Kebimbangan pada pengaruh Islam ternyata mempunyai aspek realitinya di dalam sejarah kerana wujud konflik dalam bentuk ketenteraan dan ideologi, yang menjadi corak penghubung antara dunia kristian dan Islam. Alasan yang sangat kuat mengapa muslim menjadi sasaran adalah kerana Islam satu-satunya peradaban yang menimbulkan ancaman kepada dominasi intelektual dan politik Barat. Jika dahulunya orang-orang Islam bersikap toleransi kepada bukan Islam, khususnya Kristian, tetapi semuanya sudah tidak wujud lagi selepas Perang Salib akibat kekejaman dan keganasan kaum Salib sendiri.

Akhir kata, adalah menjadi harapan kita akan berlaku kebangkitan Islam pada zaman moden ini. Untuk itu semua pihak perlu bekerja keras membawa umat Islam keluar dari belenggu kemiskinan, kekacauan, perpecahan, kemalasan, kemunduran dan sebagainya kepada hidup yang lebih positif. (Yusuf al-Qardhawi 1999:251) Ini bertepatan dengan maksud ayat al-Quran Surah al-Ra'd ayat 11 yang membawa maksud:

***“ Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. “***